



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2019 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA

1 PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini menetapkan prosedur untuk melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela (Program Khas) kepada pembayar cukai yang layak berikutan Pembentangan Bajet 2019 yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan Malaysia pada 2 November 2018.
- 1.2 Garis panduan ini disediakan bagi menggantikan Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2018 bertarikh 29 Mac 2019 susulan siaran media yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 7 April 2019.
- 1.3 Penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (*Tax Reform Committee*) merupakan satu usaha oleh kerajaan dalam melakukan pembaharuan percukaian bagi mengurangkan ketirisan cukai, mengurangkan jurang cukai semasa dan meneroka asas cukai baharu untuk meningkatkan kutipan cukai.
- 1.4 Sehubungan dengan itu, Program Khas ini ditawarkan untuk menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan **PENUH** dan membayar cukai dalam tempoh yang sepatutnya. Selain Malaysia, banyak negara lain menawarkan

Program Pengakuan Sukarela termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jepun, Singapura, Indonesia dan lain-lain.

- 1.5 Program Khas ini juga bertujuan memberi peluang kepada pembayar cukai melaporkan pendapatan yang sepatutnya selaras dengan pelaksanaan *Common Reporting Standard (CRS)* pada 30 September 2018 yang mana LHDNM bakal menerima maklumat kewangan pembayar cukai daripada pentadbir cukai luar negara.
- 1.6 Program Khas adalah merangkumi pengakuan sukarela berserta bayaran dalam tempoh untuk:
 - 1.6.1 melaporkan pendapatan yang belum / terkurang lapor, perbelanjaan terlebih tuntutan / tidak dibenarkan dan pelepasan / potongan / rebat yang terlebih tuntutan;
 - 1.6.2 melaporkan keuntungan pelupusan aset (harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah); dan
 - 1.6.3 penyeteman surat cara yang belum disetem.

2 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- 2.1 memberi penjelasan berhubung kaedah pelaksanaan Program Khas ini; memberi makluman mengenai tempoh Program Khas ini dan tawaran pengurangan penalti; dan
- 2.2 menetapkan peraturan bayaran yang berkaitan dengan pengakuan sukarela.

3 AKTA YANG DIRUJUK

- 3.1 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967)
- 3.2 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP 1967)
- 3.3 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976)
- 3.4 Akta Setem 1949 (AS 1949)

4 TEMPOH PELAKSANAAN

Pengakuan sukarela boleh dibuat pada bila-bila masa mulai 3 November 2018 sehingga 30 September 2019.

5 PELAKSANAAN

- 5.1 Program Khas ini dibuka kepada semua kategori pembayar cukai.
- 5.2 Pengakuan sukarela meliputi:
 - 5.2.1 **Pembayar cukai tidak pernah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).**

Pembayar cukai baharu perlu mendaftar bagi mendapatkan nombor cukai pendapatan terlebih dahulu. Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Petroleum (BNP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh Program Khas dengan melaporkan pendapatan penuh / keuntungan pelupusan aset, sama ada secara e-Filing / e-Lodgement atau manual.

Pengemukaan BNCP bagi pembayar cukai kategori syarikat diwajibkan secara e-Filing mulai tahun taksiran 2014.

5.2.2 Pembayar cukai berdaftar dengan LHDNM tetapi belum mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT bagi mana-mana tahun taksiran.

BNCP / BNP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh Program Khas dengan melaporkan pendapatan penuh / keuntungan pelupusan aset, sama ada secara e-Filing / e-Lodgement atau manual.

Pengemukaan BNCP bagi pembayar cukai kategori syarikat diwajibkan secara e-Filing mulai tahun taksiran 2014.

5.2.3 Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT tetapi tidak melaporkan pendapatan / keuntungan pelupusan aset dengan betul bagi mana-mana tahun taksiran.

Pembayar cukai perlu mengemukakan pengakuan secara bertulis dalam tempoh Program Khas, sama ada melalui surat atau e-mel, berkaitan pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang belum dilaporkan.

Surat atau e-mel ini hendaklah menyatakan bahawa pembayar cukai membuat **PENGAKUAN PENUH** ke atas pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang belum atau tidak dilaporkan sebelum ini.

5.2.4 Pembayar duti yang belum membuat penyeteman surat cara melebihi enam (6) bulan selepas tempoh penyeteman.

Surat cara yang melebihi enam (6) bulan selepas tempoh penyeteman (30 hari dari tarikh surat cara disempurnakan) perlu dikemukakan dalam tempoh Program Khas sama ada secara dalam talian (*online*) atau manual.

- 5.3 Program Khas ini terpakai kepada:
- 5.3.1 Pelaporan pendapatan atau keuntungan pelupusan aset yang belum / tidak dilaporkan bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran kebelakang serta penyeteman surat cara melebihi enam (6) bulan selepas tempoh penyeteman.
 - 5.3.2 Pelaporan pendapatan tahun taksiran 2018 bagi kategori syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Januari 2018, 28 Februari 2018 dan 31 Mac 2018 yang:
 - a) gagal mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2018; atau
 - b) telah mengemukakan BNCP bagi tempoh perakaunan seperti di atas bagi tahun taksiran 2018 sebelum pengumuman mengenai Program Khas ini dibuat semasa Pembentangan Bajet 2019. Ini termasuk syarikat yang telah mengemukakan permohonan untuk menyertai Program Khas sebelum ini tetapi ditolak oleh LHDNM.
 - 5.3.3 Pengakuan sukarela yang menyebabkan ada taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan.
 - 5.3.4 Kes-kes yang sedang diaudit / disiasat. Walau bagaimanapun, pengakuan sukarela yang dikemukakan adalah tertakluk kepada apa-apa penemuan audit / siasatan tersebut.
- 5.4 Program Khas ini tidak terpakai kepada pengakuan sukarela yang melibatkan kes:
- 5.4.1 tidak kena cukai, taksiran kurangan atau cukai kena dibayar balik (*repayment*); atau
 - 5.4.2 siasatan jenayah telah dimulakan atau prosiding pendakwaan susulan daripada siasatan jenayah telah difailkan di mahkamah berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah ACP 1967, APCP

1967, ACKHT 1976, AS 1949 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

- 5.5 Pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran kebelakang akan ditaksir berdasarkan tahun pendapatan tersebut diterima / sepatutnya diterima.
- 5.6 Sekiranya tahun yang pendapatan itu berkait tidak dapat ditentukan secara jelas, keseluruhan pendapatan tersebut boleh dilaporkan dalam tahun taksiran 2017. BNCP / BNP bagi tahun-tahun taksiran kebelakang masih perlu dikemukakan dengan memasukkan amaun "0" pada ruangan pendapatan.
- 5.7 Pengakuan sukarela bagi syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Januari 2018, 28 Februari 2018 dan 31 Mac 2018 hendaklah ditaksir berdasarkan tahun pendapatan tersebut diterima / sepatutnya diterima.
- 5.8 Pembayar cukai hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat telah mengambil kira **KESEMUA** pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
- 5.9 LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Khas dengan suci hati. Walau bagaimanapun, semakan pengiraan cukai akan dilakukan bagi memastikan ketepatan pengakuan sukarela yang dikemukakan.
- 5.10 Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.
- 5.11 Bagi kes yang taksiran anggaran telah dibangkitkan:

5.11.1 sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNP / BNCKHT dalam tempoh Program Khas ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela;

5.11.2 perenggan 5.6 adalah tidak terpakai. Oleh itu, pengakuan sukarela hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran yang terlibat melalui pengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT; dan

5.11.3 sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepertimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 12 / 2017 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.

5.12 Pengakuan sukarela boleh dibuat di mana-mana pejabat LHDNM.

5.13 Kadar penalti pengakuan sukarela adalah seperti berikut:

Kategori Pengakuan Sukarela	Penalti	Kaedah Pelaksanaan	Tempoh Membuat Pengakuan Sukarela dan Kadar Penalti	
			03/11/2018 - 30/06/2019	01/07/2019 - 30/09/2019
Pembayar cukai tidak pernah berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 112(3) ACP 1967 • Subseksyen 51(3) APCP 1967 • Subseksyen 29(3) ACKHT 1976 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran nombor cukai pendapatan • Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan 	10%	15%
Pembayar cukai berdaftar dan belum mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT bagi mana-mana tahun taksiran		<ul style="list-style-type: none"> • Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan 		

Kategori Pengakuan Sukarela	Penalti	Kaedah Pelaksanaan	Tempoh Membuat Pengakuan Sukarela dan Kadar Penalti	
			03/11/2018 - 30/06/2019	01/07/2019 - 30/09/2019
Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT tetapi tidak melaporkan pendapatan / keuntungan pelupusan aset dengan betul bagi mana-mana tahun taksiran	<ul style="list-style-type: none"> • Perenggan 44A(9)(b)ACP 1967 • Subseksyen 113(2) ACP 1967 • Subseksyen 52(2) APCP 1967 • Subseksyen 30(2) ACKHT 1976 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayar cukai perlu membuat pengakuan penuh secara bertulis sama ada melalui surat atau e-mel 	10%	15%
Pembayar duti yang mengemukakan surat cara melebihi enam (6) bulan selepas tempoh penyeteman (30 hari dari tarikh surat cara disempurnakan)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 47A(1) AS 1949 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayar duti perlu mengemukakan surat cara untuk disetamkan 	10% atau minimum RM50	15% atau minimum RM100

5.14 Tempoh pelaksanaan Program Khas ini juga terpakai bagi isu harga pindahan (*transfer pricing*). Walau bagaimanapun, kaedah pelaksanaan serta kadar penalti adalah berdasarkan Rangka Kerja Audit Harga Pindahan yang sedang berkuat kuasa.

5.15 Syarat-syarat pengakuan sukarela dan penalti yang dikenakan di bawah Program Khas ini adalah muktamad.

6 KADAR PENALTI SELEPAS TEMPOH PROGRAM KHAS

Kadar penalti selepas Program Khas adalah seperti berikut:

- 6.1 Pembayar cukai yang gagal mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 / subseksyen 51(3) APCP 1967 / subseksyen 29(3) ACKHT 1976 pada kadar minimum 45%.
- 6.2 Pembayar cukai yang tidak melaporkan pendapatan yang betul boleh dikenakan penalti di bawah atau subseksyen 113(2) ACP 1967 / subseksyen 52(2) APCP 1967 / subseksyen 30(2) ACKHT 1976 pada kadar minimum 45%.
- 6.3 Syarikat menyerah yang tidak melaporkan maklumat yang betul boleh dikenakan penalti di bawah perenggan 44A(9)(b) ACP 1967 pada kadar 100% iaitu bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (dalam pengiraan cukai syarikat menuntut).
- 6.4 Pembayar duti yang lewat mengemukakan surat cara untuk penyeteman akan dikenakan penalti di bawah subseksyen 47A(1) AS 1949 ke atas duti kurang bayar.

7 PERATURAN BAYARAN

Peraturan bayaran bagi pengakuan sukarela dalam tempoh Program Khas adalah seperti berikut:

- 7.1 Pembayar cukai hendaklah menjelaskan bayaran cukai seperti berikut:

Tempoh Pengakuan Sukarela	Bayaran pada atau sebelum
03/11/2018 - 30/06/2019	01/07/2019
01/07/2019 - 30/09/2019	01/10/2019

- 7.2 Jika pembayar cukai gagal menjelaskan baki cukai pada akhir tempoh yang ditetapkan iaitu pada 01/07/2019 atau 01/10/2019, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Sekiranya tunggakan cukai masih tidak dibayar, tindakan mahkamah akan diambil.

8 CARTA ALIR

Carta alir Pelaksanaan Program Khas adalah seperti di **Lampiran**.

9 HUBUNGI KAMI

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Khas ini, sila hubungi:

- 9.1 Pejabat LHDNM yang berdekatan;
9.2 Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara); atau
9.3 e-mel: pengakuansukarela@hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

24 April 2019

LAMPIRAN

**CARTA ALIR PELAKSANAAN
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA**